



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Public Service Department, Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Rujukan : JPA.(S).600-18/11/1 (22)

Tarikh : 07 November 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

*YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/  
Tuan/ Puan,*

**PEMBAYARAN ELAUN SARA HIDUP KEPADA PEGAWAI AWAM  
YANG MENERIMA PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN  
SEPARA BIASISWA**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana dimaklumi, YAB Perdana Menteri melalui pembentangan Belanjawan Tahun 2026 telah mengumumkan pemberian Elaun Sara Hidup (ESH) sebanyak RM900 sebulan kepada pegawai awam yang menerima Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa untuk mengikuti pengajian di peringkat ijazah lanjutan secara separuh masa mulai tahun 2026.

.../2

3. Bagi menggalakkan pegawai awam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran tanpa meninggalkan tugas hakiki di jabatan masing-masing, inisiatif ini merupakan satu bentuk penghargaan Kerajaan kepada keazaman dan komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh pegawai yang mengikuti pengajian separuh masa. Pemberian ini juga secara tidak langsung akan menjadi suntikan motivasi dan semangat kepada pegawai untuk meneruskan pengajian sehingga tamat jaya.

4. Selaras dengan keputusan tersebut, kaedah pelaksanaan pembayaran ESH kepada penerima penajaan bagi pengajian secara separuh masa adalah seperti yang berikut:

**4.1 LAYAK** diberikan kepada:

- (i) Penerima penajaan sebelum tahun 2026 yang masih belum tamat tempoh penajaan pada 1 Januari 2026, ESH dibayar bagi baki tempoh penajaan mulai 1 Januari 2026 sahaja; dan
- (ii) Penerima penajaan baharu mulai 1 Januari 2026, ESH dibayar mulai tarikh penajaan diluluskan.

**4.2 TIDAK LAYAK** diberikan kepada:

- (i) Penerima penajaan yang telah tamat tempoh penajaan sebelum 1 Januari 2026.

5. Untuk perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, ESH kepada penerima penajaan akan dibayar mulai **Januari 2026**.

6. Bagi Kementerian-Kementerian yang telah diturunkan kuasa untuk menguruskan biasiswa dalam perkhidmatan, ESH hendaklah diberikan kepada pegawai yang layak seperti di perenggan 4.1 dengan menggunakan peruntukan Kementerian masing-masing. Oleh yang demikian, Kementerian-Kementerian yang berkaitan perlu mengambil kira keperluan pembayaran ini dalam perancangan program latihan dalam perkhidmatan untuk tahun 2026 dan seterusnya.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)**

s.k. Ketua Setiausaha Negara